

## DW 4.8: Cadangan Penternakan Tiram

Cadangan penternakan tiram merupakan aktiviti perikanan secara komersial yang berpotensi dijalankan khususnya di sepanjang perairan di dalam Daerah Batu Pahat.

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Mewujudkan sumber ekonomi baru dan meningkatkan pendapatan kepada pengusaha penternakan tiram
- Permintaan tiram di pasaran juga agak tinggi terutama bagi memenuhi permintaan pemain industri hotel tempatan dan restoran makanan laut.
- Berpotensi mewujudkan kawasan penyelidikan tiram dan menawarkan aktiviti ekopelancongan

#### Komponen Cadangan:

- Terdapat empat jenis tiram yang menjadi pilihan untuk diternak di Malaysia - *Crassostrea*, *Saccostrea*, *Ostrea* dan *Hyotissa*.
- Tiram jenis *Crassostrea* merupakan spesies utama yang diternak secara komersil.
- Rakit ternakan tiram yang biasanya digunakan berbentuk empat (4) segi, saiznya mengikut keperluan.
- Kayu melintang digunakan untuk menggantung tali pemungut benih atau bakul untuk menternak tiram.
- Pelampung *Styrofoam* dan plastik biasa digunakan untuk membina rakit.
- Kaedah ternakan yang biasa diusahakan secara komersial adalah dengan menggunakan rakit.
- Kajian **mengesyorkan kajian lanjutan** berkaitan perlu dijalankan bagi mengenalpasti keberkesanan aktiviti penternakan tiram di kawasan cadangan.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (Jabatan Perikanan dan Pemilik Pengusaha)



Foto: Tiram yang mempunyai permintaan tinggi dari hotel-hotel ternama dan restoran makanan laut.

Sumber: Laman web kakitravel.net

### CADANGAN LOKASI

Lokasi cadangan penternakan tiram di sekitar Senggarang.

Daerah	Lokasi
Batu Pahat	Cadangan di sekitar Senggarang

### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
• Jabatan Perikanan	• Jabatan Perikanan
• Swasta	• Swasta
• Pengusaha	• Pengusaha

### ANGGARAN KOS

- Peruntukan bagi kos pembinaan dan penyelenggaraan = RM 1,000,000 bagi setiap cadangan

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 1,000,000**

### FASA PELAKSANAAN



## Info Ringkas

- Tiram hidup dengan cara melekat pada substrat seperti cangkerang tiram, siput-siput, akar bakau, batu-batu dan benda-benda keras yang tenggelam.
- Tiram biasanya didapati dalam air yang salinitinya antara 15-32 ppt. Tiram dewasa boleh hidup beberapa hari di dalam air yang salinitinya menurun sehingga kekadar sifar. Benih-benih tiram akan mati bila mengalami perubahan saliniti mendadak seperti di musim tengkujuh.
- Suhu biasa air bagi habitat tiram ini 28-30.5°C, kecuali pada musim tengkujuh di mana suhunya lebih rendah. Perbezaan air semasa pasang surut lebih kurang 1.5 meter.

## Kriteria Kawasan Cadangan

Pemilihan tapak yang sesuai untuk ternakan tiram ialah yang mempunyai faktor-faktor seperti berikut:

- Kawasan terlindung dari angin yang kuat.
- Perubahan air pasang surut antara 1.0-1.5 m.
- Dasar tidak mempunyai lumpur yang tebal.
- Saliniti air antara 15-30 ppt.
- PH air antara 6.5-8.5.

## Penanda Aras

**Bakau Hijau (Sungai Merbok di Sungai Petani, Kedah)** mengusahakan peneranagan tiram dengan memiliki tujuh buah sangkar dengan anggaran 160,000 tiram.

## Peneranagan tiram

- Memelihara benih tiram.
- Membuat sangkar.
- Menyediakan kawasan tertutup untuk tiram bagi memantau anak tiram.
- Penjagaan kualiti air agar tidak tercemar.
- Sebiji tiram yang matang mengambil masa selama 7 bulan hingga 1 tahun.
- Jualan tiram dengan harga RM5 sebijji.



Foto: Kaedah peneranagan tiram.


Sumber: Laman web kakitravel.net



Foto: Aktiviti dan proses peneranagan kehidupan yang bernilai ini juga berpotensi menarik perhatian pelancong sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sumber: Laman web kakitravel.net

Rajah 4.57: Cadangan Pernakanan Tiram Daerah Batu Pahat



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

PETUNJUK:

- Cadangan Pernakanan Tiram
- Taburan Kampung
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuh Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut